

Dua pelajar asnaf sebak dijemput sambung belajar di UIAM

oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN 01 Ogos 2023 05:47pm Masa membaca: 1 minit



Aqmar Hadirah (dua dari kiri) bersama wakil Pusat Asasi UIAM.

PASIR MAS - Dua orang pelajar daripada keluarga asnaf yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 lalu tidak dapat menahan sebak apabila dijemput pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Gambang, Pahang untuk menyambung pengajian.

Menariknya kedua-dua pelajar itu, Muhammad Amirul Amin dan Aqmar Hadirah Nor Azman dijemput oleh Dekan Pusat Asasi UIAM, Hasanul Basri Abdullah.

Hasanul Basri berkata, pendekatan itu merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu anak-anak golongan B40 dan asnaf yang cemerlang dan layak untuk menyambung pengajian di UIAM.

"Besarnya harapan kita agar usaha ini menjadi pembakar semangat buat mereka untuk belajar bersungguh-sungguh.



Muhamad Amirul (dua dari kiri) semasa menerima kunjungan wakil daripada Pusat Asasi UIAM untuk membawanya mendaftar pada hari pendaftaran pelajar baharu.

"Pada masa sama ia turut selari dengan konsep Rahmatan Lil Alamin yang dibawa oleh UIAM," katanya.

Muhamad Amirul memperoleh 9A dalam SPM ditawarkan untuk mengikuti pengajian dalam Asasi Perubatan.

Manakala Aqmar Hadirah memperoleh 7A dalam SPM ditawarkan mengikuti pengajian Asasi Kejuruteraan dan Sains Komputer.